

CNS0710

R GB 09-09 00158 BH879

bah

KERAJAAN SEDANG PROSES PERMOHONAN DARI BEKAS KOMUNIS  
Mahathir - komunis (ulangan)

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan telah menerima permohonan daripada bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang ingin kembali ke negara ini.

Perdana Menteri berkata, 'mereka akan hanya diterima kembali sekiranya siasatan menuniukkan mereka tidak lagi menjadi ancaman kepada negara.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita selepas menyampaikan hadiah pertandingan fotografi muhibah sebagai mengulas laporan akhbar hari ini, yang menyebut 13 bekas anggota PKM telah kembali ke Malaysia pertengahan bulan lepas tanpa svarat.

Semalam, Pengarah Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Bukit Aman Datuk Zulkifli Abdul Rahman berkata kumpulan pertama 13 orang itu adalah sebahagian daripada 421 bekas anggota PKM termasuk bekas setiausaha cawangan Chin Peng, memohon untuk pulang ke pangkuan keluarga mereka.

Perdana Menteri berkata permohonan mereka sedang diproses oleh polis.

-- Bernama.

♥09/09/13-29MST